

Pemindahan Darah

Ditinjau dari sudut hukum agama Islam

(11-tamat)

Dalam bahagian penutupnya ini, soalan “pemindahan darah” dikupas dengan lebih lanjut oleh Fadilah al-Ustaz Tengku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy, ahli hadis yang terkenal dan pensyarah di “Perguruan Tinggi Agama Islam Negeri”, Yogyakarta.

(oleh: Tengku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy)

Al-Shaukânī dalam kitab “al-Dirārī al-Muḍīah” 1: 17-18, juga menajiskan darah haid sahaja dari antara darah-darah itu.

Soal najis tidaknya darah itu kita perkatakan kerana soal ini bersangkutan urat dengan soal yang kita hadapi (soal memindahkan darah dari badan ke badan).

Maka kesimpulannya: memindahkan darah dari orang sihat untuk dimasukkan ke dalam tubuh orang sakit adalah suatu hal yang *mubāḥ*, *jaiz*, *ḥalāl*. Ayat-ayat al-Quran hanya menegaskan haram dimakan, atau diminum. Suntik ini yang terkenal dengan Blood Transfusion (“pemindahan darah” dengan jalan disedut dari tubuh orang yang sihat, kemudian dicucukkan ke dalam tubuh orang sakit.), tidak masuk ke dalam makna makan. Makna makan menurut *‘uruf* (adat kelaziman yang biasa diketahui-P). Dan lughah ialah: Memasukkan sesuatu ke dalam perut (*Jūf*), melalui kerongkongnya.

Pemindahan darah, memasukkan darah ke dalam badan melalui salurannya untuk berjalan keseluruh badan, bagi memulihkan kesihatan kepada si sakit. Saya

tidak mengatakan bagi menolong jiwa, kerana jiwa itu *min amrillāh* (yakni perkara nyawa itu tertentu bagi Allah-P).

Ditinjau dari urusan *‘uruf* dan lughah yang menjadi pegangan kita ketika tiada nas, maka suntik itu bukan makan. Tidak masuk ke dalam makna makan. Atas dasar inilah pengarang kitab “Fiqh al-Sunnah” menetapkan bahawa “haqnah” (suntik, injection), baik di dalam urat ataupun di bawah kulit, maka walaupun sampai ke dalam perut tidaklah ia sampai kepadanya melalui pintunya yang sudah terkenal (kerongkongan). Tegasnya, tidak membatalkan puasa. (Fiqh al-Sunnah, 2: 226-227).

Ringkasnya, dengan huraian yang akhir ini nyatalah, bahawa yang diharamkan itu ialah makan, atau minum darah. Menyuntiknya, tidak dapat dinamai memakannya. Maka tidaklah masuk ke dalam yang diharamkan. Kalau dikatakan, darah itu najis, maka sudah nyata pula tak ada alasan yang kukuh yang menunjukkan kepada najisnya. Tiada nas yang menyatakan najisnya. Oleh kerana tiada nas itulah ahli-ahli fiqh berlainan pendapat.

Tiap-tiap sesuatu yang tiada nas yang menegahnya atau

mengharamkannya, tinggallah ia dalam hukum asal.

Kaedah yang disepakati oleh ahli usul berkata:

“Asal hukum segala rupa perkara ialah:

harus, selama belum ditunjukki oleh dalil haram.”

Kaedah ini dikuatkan lagi oleh “al-Barā’at al-Aṣliyyah” yakni: “tiap-tiap yang tidak dituntut oleh syarak, baik tuntutan itu berupa wajib, ataupun berupa haram. Tetaplah dalam hukum *mubāh* (harus)”

Oleh kerana itu tetaplah sudah apabila golongan yang membolehkan meminta kepada golongan yang tidak membolehkan, naṣ yang dapat menyelesaikan perselisihan faham iaitu: naṣ yang *qat’i*, yang *madlulnya* pun *qat’i*, atau naṣ yang *zi* yang *madlulnya qat’i*. (“*qat’i*”: yang tegas kebenarannya dan menjadi kata putus. “*zinni*”: yang disangka benar. “*madlul*”: sesuatu yang menjadi dalil).

Mengenai hadis:

“Jangan kamu berubat dengan yang haram.”

Maka hadis itu tidak dapat dikemukakan dalam medan munāẓarah kerana di dalam “sanadnya” terdapat seorang perawi yang bernama Ismail Ibnu Iyash, seorang perawi yang diperselisihkan keadaannya. Ulama-ulama Hījāz memandang lemah (al-Manār 17:....)

Kalau diharamkan kerana “*illah*” (sebab-P) bukan kerana naṣ maka usul menetapkan bahawa: “Segala hukum itu berputar beserta *illahnya*, pada adanya dan pada tidak adanya.” Atau: “segala hukum itu berputar dengan *illahnya*. Apabila ketiadaan *illah*, tidak adalah hukum.” (yakni apabila ketiadaan *illah* maka tidaklah ada hukum).

Kalau diharamkan atas dasar qiyas, maka qiyas di sini qiyas ma’al fariq (qiyās yang tidak pada tempatnya.), kerana *illah* nya tidak bersamaan.

Mengingat hujah-hujah dan dalil-dalil yang tersebut di atas, dengan

tegas Sayyid Rashid Redhā dalam Tafsir al-Manār berkata:

“Boleh disuntik orang yang lemah darah (nya) dengan darah binatang yang sihat bagi menambahkan kekuatan. Perbuatan ini tidak haram.” (al-Manār 6: 136).

Dr Taufiq Sidiqī, sesudah menerangkan tidak baik kita menyuntikkan darah binatang ke dalam tubuh manusia, kerana mungkin darah itu menjadi beku, dan jika dengan usaha-usaha doktor yang ahli, menurut ilmu moden, darah yang dimasukkan itu hancur butir-butir darah yang merah, kerana berbeza kekesatan (kental atau pekatnya) dua macam darah itu, turun ke dalam kencing. Pada akhir huraian beliau berkata:

Menyuntik darah tidak masuk *maudū’* mengharamkannya, yakni: di luar pokok pembicaraan.” (Dar Sunan al-Ka’ināt 1: 55).

Demikianlah dengan ringkas hukum pemindahan darah ditinjau dari pihak yang menerima darah itu. Dan sekarang mari kita meninjau pula hukum mengeluarkan darah dari pihak yang mengeluarkan dari badannya, atau yang memberikan darahnya.

Telah cukup terkenal dalam kalangan tabib, bahawasanya darah itu ialah zat hidup, makhluk yang berjiwa, yang sangat berpengaruh dalam kesihatan. Filsuf Ibn Sīnā, dalam salah satu risalahnya yang dinukilkan oleh Imam al-Shawkānī, berkata:

“Dan sempurnakanlah darah-darah untuk tubuh, bahawasanya darah-darah itu, untuk kesihatan tubuh dari sepeenting-penting tiang tonggakunya.”

Darah yang lembut sangat menjamin kesihatan. Dia selalu mendatangkan kesenangan dan kecergasan. Darah yang sihat menyerupai air yang hening bening, cepat kerjanya. Ada pun darah yang kesat (pekat) menyerupai air yang keruh, yang bercampur lumpur.

Mengeluarkan darah dari tubuh ada tiga macamnya:

1. Dengan jalan berbekam, yakni: mengeluarkan darah dari kepala dengan jalan berbekam (cantuk).
2. Dengan jalan fisd, yakni: mengeluarkan darah dari anggota yang selain kepala dengan jalan memotong sesuatu urat.
3. Dengan jalan suntikan.

(Setelah menerangkan bahawa berbekam dan berfisd itu berbahaya kepada kesihatan tubuh, dengan menurunkan keterangan al-Ustaz Farid Wajdi di dalam ensiklopedianya:

“Da’irah ma ‘ārif al-Qarūn al-‘Ishrīn”. Maka Tengku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy meneruskan kupasannya dengan berkata: -P.):

Pengeluaran darah secara suntikan yang dilakukan oleh doktor-doktor yang ahli dengan menuruti syarat-syarat yang tertentu dan hukum-hukum yang tertentu pada diri orang yang tertentu, tentu sangat berbeza daripada bekam dan pengeluaran darah dengan membuka urat-urat nadi.

Oleh kerana soal berbekam dan membuka (melukakan-P) urat nadi untuk mengeluarkan darah terdapat dalam shariat Islām, maka baiklah kita perhatikan dengan saksama.

Dalam berbagai-bagai hadis diterangkan bahawa Rasulullah (SAW) ada berbekam. Baginda pernah berbekam dalam bulan puasa, sedang berpuasa. Ummu Salamah pernah meminta izin hendak berbekam, baginda izinkan. Dalam salah satu hadis yang diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim, Nabi bersabda, maksudnya:

“Bahawasanya sebaik-baiknya ubat yang kamu berubat dengannya ialah berbekam.” (Fath al-Bāri. 10:123).

Diriwayatkan oleh Muslim dari Asim bin Umar bin Qatādah dari Jābir, bahawasanya Nabi bersabda, maksudnya: “Jika ada pada sesuatu dari ubat-ubatmu, kesembuhan, maka adalah yang demikian itu pada coretan bekam atau pada minum madu atau pada jilatan api.” (sahih Muslim

4: 21).

Zahir hadis ini menerangkan, bahawa berbekam itu sebagai ubat, dan menurut zahirnya pula, anjuran berbekam dihadapkan kepada semua tingkatan umur manusia maka oleh kerana “sanad” hadis-hadis ini sahih, sudah disahihkan oleh Bukhārī dan Muslim, kita tujukan terus pembahasan kita “matan”. Apakah kita pegangi zahirnya, dengan tidak mempedulikan keadaan-keadaan yang mengelilingi sabda tersebut, masa dan tempat baginda sabdakan, dan kepada siapa baginda hadapkan, dan apakah nilai hukum yang dikandung olehnya?

Al-Hafiz Ibnu Hajarul Isqilani dalam Fath al-Bāri

10: 123 berkata: Menurut pendapat ahli makrifah, bahawa titah nas ini dihadapkan kepada penduduk hijāz dan penduduk-penduduk negeri panas yang darahnya halus dan cenderung kepada kulit untuk menarik panas yang keluar daripadanya kepermukaan badan. Juga kitab ini tidak dihadapkan kepada orang-orang tua, kerana badan orang yang telah tua, telah kurang panas. Diriwayatkan oleh al-Tibrani dengan sanad yang sahih dari Ibn Sīrīn, ujmarnya:

“Apabila telah sampai umur seseorang 40 tahun jangan lagi ia berbekam.”

Kata al-Tibrani: Dilarang orang yang telah berumur 40 tahun berbekam ialah: Kerana dia telah sampai kemuncak 40 tahun dan mulai menurun dan tenaganya pun mulai beransur-ansur kurang. Tegasnya tidak baik lagi ia mengurangkan darahnya. (Fath al-Bāri 10: 123).

Mengenai soal berbekam ini banyak sekali kita dapati hadis yang menerangkan keutamaan berbekam pada waktu-waktu yang tertentu. Akan tetapi hadis-hadis itu semuanya daif. Tidaklah dapat dipergunakan dalam menentukan keutamaan-keutamaan berbekam itu.

Dan yang perlu kita tegaskan bahawa berbekam ini mengenai soal keduniaan yang berhubung rapat dengan soal

kesihatan. Oleh kerana itu hendaklah orang yang berbekam lebih dahulu menanya pendapat doktor yang ahli dan menurutinya, baik mengenai waktu berbekam, mahupun tempatnya. (al-Adāb al-Shar‘iyyah 2: 286).

Mengingat penjelasan mengenai hadis bekam ini, kita anjurkan kepada alim ulama hadis, supaya hadis-hadis itu tidak sahaja ditinjau dari segi sanadnya tetapi perlu pula ditinjau dari segi maknanya. Dan kepada ahli-ahli usul saya anjurkan supaya kaedah:

“Yang dipandang itu: umum lafaz, bukan khusus sebab.”, menghendaki kita menempatkannya di tempatnya dan di masanya, menghendaki kita memperhatikan suasana dan keadaan, tidak memaksa penempatan sesuatu hadis sebagai orang memaksa skru kecil masuk kepada AS “AS” (batang besi-P) yang besar. Jika tidak kita menempatkan kaedah tersebut ini pada tempatnya yang tepat, mungkinlah menimbulkan hukum-hukum yang berlawanan.

Diriwayatkan oleh Ibn Abī Aūfā, ujarnya:

“Kami telah berperang beserta Rasulullah 7 peperangan, kami makan belalang.”

Hadis ini disepakati oleh Bukhari dan Muslim. Kata al-Nawāwī: Hadis inilah dasar ijmak menghalalkan belalang.

Akan tetapi, Ibn ‘Arabī berkata dalam Shariḥ al-Tirmizi, “Bahawasanya belalang Andalus (negeri Sepanyol-P). Tidak boleh dimakan, kerana belalang Andalus itu semata-mata berbahaya dimakan”.

Ini sebagai suatu bukti, bahawa kita tidak dapat terus berpegang kepada zahir dan umum lafaz. (Subul al-Salām 4: 101).

Sungguhpun demikian kedudukan hadis berbekam dan mengeluarkan darah dengan jalan membuka (melakukan -P.) urat nadi, namun satu hukum yang kukuh kita dapat petik daripadanya iaitu: “Kebolehan mengeluarkan darah dari badan jika tidak memudaratkan badan, sesudah mendapat nasihat doktor.”

Kalau demikian teranglah, bahawa mengeluarkan darah dari badan yang dikeluarkan oleh doktor untuk dimasukkan ke dalam badan orang yang yang sakit, suatu hal yang dibolehkan syarak. Kita sudah sama mengetahui bahawa darah yang diambil oleh doktor itu, atau yang dipindahkan itu, darah yang sihat dari tubuh yang sihat, yang lebih dari keperluan tubuh itu sendiri. Orang yang kurang darahnya, tidak akan diambil dari badannya. Dan pengambilan itu mempunyai ukuran yang khas 10cc, 20cc dan seterusnya, menurut ukuran yang dapat diambil daripada seseorang itu. Sesudah diambil, tidak mendatangkan bahaya bagi yang diambil itu.

Sesekali tidak dapat diharamkan pengeluaran darah yang menjadi *maudū’* huraian kita ini, dengan berpegang kepada makna ayat 80 surah al-Baqarah iaitu: “*wa la tasfikūna dima’akum*”, yang tersebut dalam Tafsīr al-Fakhru al-Rāzi.

Sebelum makna tersebut dahulu kita memeriksa makna ayat itu dalam tafsir-tafsir bi al-Riwāyah:

Kata Imam Mufasssīrīn Ibn Jarīr al-Ṭabarī dalam kitab tafsirnya “Jami‘ al-Bayān”: makna “*La tasfikūna dima’akum*”, ialah: *la yaqtulu ba‘ ḍukum ba‘ḍā* (jangan membunuh sebahagian kamu akan sebahagian) (mafhumnya jangan kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Demikian madmun huraian al-Ṭabarī, Ibn Kathir dan al-Alūsī dalam kitab-kitab tafsir masing-masing seperti yang disalinkan oleh Tengku Muhammad Hasbi-P.).

Al-^oAlāmah al-Alūsī di dalam “Ruh al-Ma^oānī”

1: 256 menerangkan makna ayat ini dengan makna: Jangan kamu mengerjakan sesuatu yang membawa kepada pertumpahan darah kamu atau jangan kamu mengerjakan sesuatu yang membinasakan kamu.

Al-Rāzi dalam tafsirnya 1: 408-409, berkata: kalau orang mengatakan musykil kita fahamkan firman Allah: “*la tasfikūna dima’akum*”, kerana mengingat bahawa manusia itu, tidak mahu membunuh diri. Jadi, tidak perlu dilarang, maka kita berkata: Bagi menghilangkan kemusykilan yang disangka itu, kita jawab dengan lima macam jawapan:

Pertama. Tuhan menegah itu ialah kerana mengingat bahawa ada manusia yang mahu membunuh diri, seperti orang Hindu dahulu, yang berpendapat, bahawa dengan membunuh diri terlepas dari alam kerosakan lalu memperoleh alam yang sinar seminar, atau membunuh diri kerana sesuatu sebab yang lain seperti kesulitan hidup dan sebagainya.

Kedua. Dikehendaki dengan “*la tasfikūna dima’akum*”: jangan membunuh sebahagian kamu akan sebahagian.

Ketiga. Membunuh orang lain bererti membunuh diri sendiri, kerana akan dituntut bila.

Keempat. Jangan mengemukakan diri (menawarkan diri -P.) untuk memerangi orang yang membunuh kamu.

Kelima. *la tasfikūna dima’akum, min qawāmukum fi maṣāliḥ al-Dunyā bihim fataḵūnūna muḥlikīn lanafsakum.*

Makna yang kelima ini, golongan yang mengharamkan pemindahan darah mengertikan begini: “Jangan kamu mengeluarkan darah-darahmu dari badanmu pada masalah-masalah dunia disebabkan mereka, maka adalah kamu orang-orang yang membinasakan diri”.

Inilah nas yang diterjemahkan sedemikian itu, yang dipegang arah oleh golongan yang mengharamkan.

Jika kita memperhatikan baik-baik nas, atau susun perkataan yang dikemukakan oleh al-Rāzi, nyatalah kepada kita, bahawa tidak dapat kita memahamkan haramnya memindahkan darah daripada perkataan tersebut. Terjemahan perkataan tersebut, tidak benar sebagai yang mereka terjemahkan. Mereka menterjemahkan perkataan “*tasfikūna*” dengan: “mengeluarkan darah”. Pada hal “*tasfikūna*” bermakna “*tarīqūna*” (menuangkan atau menumpahkan). Dan mereka menterjemahkan perkataan “*qawāmu*” dengan: “badan”. Pada hal “*qawāmu*” itu: “*ma yaqumū bihi al-Shai’ wa yathbit*” (sesuatu dengan dia dapat berdiri tegak yang lain).

Maka terjemah yang benar dari perkataan tersebut, ialah: “Jangan kamu menumpahkan darah-darah yang mana darah itu sebahagian zat yang menegakkan hidupmu dalam masalah-masalah dunia yang menyebabkan kamu membinasakan diri.”

Apabila perkataan tersebut kita terjemahkan dengan sebenarnya, tiadalah ia menunjuk kepada haram memindahkan darah.

Dia menunjuk kepada haram menumpahkan darah yang membawa kepada membinasakan diri.

Selain daripada itu, maka yang diberikan oleh al-Rāzi ini adalah suatu makna yang harus disesuaikan pengertiannya dengan makna-makna yang diberikan oleh Qatadah yang sesuai dengan sebab turunnya ayat.

Sebagai penutup, dari huraian ini saya mengemukakan pula, bahawa darah seseorang itu tidak akan mempengaruhi tabiat seseorang yang lain secara pasti. Ada yang berkata bahawa sebenarnya diharamkan makan harimau kerana menumbuhkan tabiat buas bagi yang memakannya.

^oIllah (sebab-P) yang dikemukakan itu, pertama-pertama bukan ^oillah yang *manṣūṣah* (yang ada nasnya). Jika ^oillah –^oillah itu ^oIllah yang *manṣūṣah* dengan serta merta kita menerimanya. Dan ^oillah itu pula, bukan ^oillah yang disepakati.

manṣūṣah itu, hanya dikemukakan oleh golongan yang mengharamkan binatang buas. Imam Malik tidak mengharamkan binatang buas. Beliau tidak mengharamkan harimau, serigala dan gajah. Kalau demikian, beliau tiada mengakui ‘illah tersebut. Sungguh, darah itu tiada dapat mengubah *gharīzah* (tabiat semulajadi-P.) dan tabiat yang Allah ciptakan pada seseorang. Iman dan kufur terletak pada jiwa, bukan pada darah. Maka oleh kerana itu, tiadalah dapat darah seseorang yang dimasukkan ke dalam tubuh si sakit mempengaruhi tabiat dan watak si sakit itu. Yakni tiada mengubah dari buruk kepada baik, atau baik kepada buruk.

Sebagai kesimpulan dari huraian ini, ialah “pemindahan darah” itu yang dilakukan oleh doktor-doktor moden yang ahli, sesuai dengan aturan-aturan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh ilmu kedokteran moden, iaitu boleh atau halal, tidak haram.

Selain daripada soal “pemindahan darah” ini, kita menghadapi juga berbagai soal baharu, soal yang tiada dalam zaman Ibnu Hajar al-Haitamī dan Muhammad al-Ramlī, seperti soal memindahkan sebahagian anggota dari seorang, baik dia masih hidup, ataupun sudah mati kepada seseorang yang lain dengan sukarela si pemilik anggota itu.

Apakah hadis:

“Memecah tulang orang mati sama seperti memecahkannya semasa hidupnya dalam soal dosa”, sah atau tidak? Alim ulama perlu memereksai “sanad” hadis ini dengan saksama.

Sepanjang yang saya peroleh dari hasil pemeriksaan saya, bahawa hadis tersebut, jika diambil riwayat Ibn Majah dari Ummu Salamah, terang tertolak, sebagai yang sudah ditegaskan oleh Imam al-Sanudi dalam *hashiyah* Ibn Mājah, oleh Imam al-Manāwī dalam “*Faiḍ al-Qādir*”

dan oleh pengarang “*al-Zawāyid*” (*hashiyah* Ibn Mājah 1: 496), kerana di dalam sanadnya ada seorang ‘*matrūk*’ (yang ditinggalkan, tidak dihargai riwayatnya) dan jika diambil riwayat Abu Dāud dari ‘*Ā’ishah*, maka di dalam sanadnya ada seorang perawi bernama Saad Ibn Said. Imam Ahmad melemahkannya. Kata al-Nasā’iyy: “*huwa laisa bi quwā*” (dia bukan seorang yang kuat) (yakni riwayatnya). Kata Abu Hātim: Dia seorang yang binasa(?) –*al-Majmū’* 5: 300, *Mizān al-‘Itidāl* 1: 271.

Dan hendaklah alim ulama dalam menetapkan hukum memperhatikan dasar-dasar asasi dari syariat.

Syariat Islam disendikan atas sendi-sendi yang kukuh dan didasarkan kepada dasar-dasar yang kuat. Di samping itu Islam memperhatikan tabiat manusia dan *naz’ah* (*al-Mizān*) jiwa mereka, serta kekuatannya dan suasana yang mengelilingi.

Sendi-sendi Islam yang terpenting ialah tiga, iaitu:

- 1) Memelihara masalah manusia.
- 2) Memudahkan kepada mereka itu.
- 3) Berlaku adil antara mereka itu.

Di mana terdapat masalah, di situlah terdapat hukum.

Maslahat yang diperhatikan oleh syariat Islam, ialah:

“*maslahat majmuk*” (umum), bukan “*maslahat sahsiah*” (masalah perseorangan) yang menentangi *maslahat majmuk*. Inilah sebabnya terdapat di antara dasar-dasar Islam: “*taqḍīmū al-Maṣlaḥah al-‘Āmah ‘ala al-Maṣlaḥah al-Khāṣah ‘inda ta‘arīḍ al-Maṣlaḥatān*” (mendahulukan *maslahat am* atas *maslahat khas* ketika berlawanan dua *maslahat* itu).

Atas dasar inilah khalifah Umar Ibn al-Khatab mengambil tanah yang di sekitar Masjidil Haram bagi membolehkan masjid itu diperluaskan, pada hal asal hukum mengambil tanah orang dengan tidak diredhai, haram. Dan oleh kerana syariat Islam, disyariatkan untuk

mewujudkan kemaslahatan manusia, maka dengan sendirinya syariat Islam menolak segala yang mendatangkan mudharat bagi manusia. Inilah sebabnya syariat Islam mengharamkan “*khabā'ith*” (segala yang buruk) dan menegah “*jarā'im*” (segala perbuatan jahat). Dan memerintahkan kita menjauhkan diri dari segala yang diharamkan.

Sesuatu yang mendatangkan mudharat apabila pada sesuatu ketika mendatangkan manfaat dan bahawa manfaatnya itu lebih kuat dari mudharatnya, berubahlah hukum, lalu menjadi boleh, pada hal tadinya diharamkan. Atas dasar inilah syariat Islam menghalalkan berbagai-bagai rupa yang haram bila dikehendaki oleh dharurat. Atas dasar ini pula terletaknya kaedah: “*al-darūrāt tabīḥ al-Mazūrāt*” (darurat-darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang). Atas dasar ini juga dibolehkan arak untuk ubat dalam masa dharurat, sebagaimana dibolehkan memakan bangkai ketika terpaksa. Maka berdasar kepada kaedah ini, andainya mengeluarkan darah yang baik dari badan yang baik untuk dimasukkan ke dalam badan seseorang yang sakit, haram pada asal hukum, menjadi boleh dan jaiz dalam masa masalahah menghendaki.

Demikianlah hasil penetapan jika kita menuruti faham golongan yang kedua. Adapun jika kita menuruti aliran faham yang ketiga maka masalah ini lebih terang lagi keadaannya. Iaitu boleh, asal sahaja tidak mendatangkan mudharat, baik bagi yang diambil darahnya, mahupun bagi yang menerima darah.

Rabbanā atinā fi al-Dunyā ḥasanah wa fi al-Akhirah ḥasanah wa qinā 'adhāb al-Nār.

(dipetik dari majalah “Media” suara mahasiswa Islam, Jogjakarta-P.Q.)

MENGENANG ILAHI

Tuhanku,
sudah suku abad ku tumpang berteduh,
dibawah tanganmu terhampar jauh.

Siap berlangir cahaya suci,
serta nikmat penuh tersaji;
di hamparan bumi masih terbentang,
juga matahari bulan dan bintang.

Di mana langkah zahir dan batin,
dikawal diiring *Kirāman Kātibīn*.

Tidak ternilai budimu melimpah,
pada tanganku menadah patah.

Semuanya itu percuma semata,
kau hanya berharap usah lupa.
Dalam suasana durjana mengimbang,
cahayamu suci menjadi lambang.

Syukur, syukur.....!
jauhlah aku dari tercebur;
diperlembangan yang hina,
bersalut intan di dunia yang fanā.

Samar Senja - Singapura